

Pemuda UMNO gesa permit Sarawak Tribune digantung

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 6 Feb. – Pergerakan Pemuda UMNO hari ini mahu kerajaan menggantung permit penerbitan *Sarawak Tribune* dan Ketua Pengarang akhbar itu meletakkan jawatan berikutan penyiaran karikatur Nabi Muhammad s.a.w. yang menimbulkan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menegaskan, tindakan keras perlu dikenakan terhadap akhbar tersebut kerana melakukan kesalahan yang amat berat kepada umat Islam.

“Sekadar meminta maaf dan memecat penyunting yang terlibat menyiarkan karikatur itu tidak mencukupi, Ketua Pengarang akhbar tersebut perlu meletak jawatan.

“Kementerian Dalam Negeri perlu menggantung penerbitan akhbar berkenaan serta melakukan siasatan menyeluruh dan sekiranya penyiaran karikatur itu dibuat secara sengaja maka permit *Sarawak Tribune* perlu dibatalkan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Pemuda UMNO di Ibu Pejabat UMNO, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sarawak Tribune, akhbar berbahasa Inggeris tempatan Sarawak menyiarkan karikatur kontroversi tersebut melalui ruangan beritanya pada muka surat 12 semalam.

Pada 30 September lalu, akhbar Den-

mark, *Jyllands-Posten* mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia dengan penyiaran karikatur berkenaan.

Kontroversi itu semakin serius sehingga disifatkan sebagai pertembungan antara Islam-Barat.

Ia membangkitkan kemarahan umat Islam seluruh dunia berikutan beberapa lagi penerbitan di Eropah seperti Perancis dan Norway menerbitkan semula karikatur tersebut atas nama kebebasan bersuara.

Hishammuddin memberitahu, Pemuda UMNO juga telah membuat ketetapan dengan mengarahkan semua ahli-ahli pergerakan melemparkan kemarahan mereka ke atas akhbar Denmark yang menyiarkan karikatur melalui surat, faks dan e-mel melalui kedutaan negara itu di Kuala Lumpur.

“Saya arahkan semua ahli pergerakan dan rakyat Malaysia menulis perasaan marah mereka dan menghantarnya melalui surat, faks, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan e-mel kepada Kedutaan Denmark di sini,” katanya.

Jelas beliau, Pemuda UMNO tidak akan menghantar memorandum kepada Kedutaan Denmark kerana mengetahui bahawa jawapan yang diberikan kerajaan negara itu ialah ia tidak boleh mengawal media.

Hishammuddin menegaskan, dengan cara ini sahaja perasaan marah rakyat Malaysia dengan penyiaran karikatur yang menghina Nabi Muhammad s.a.w. dapat disampaikan.

Pemuda UMNO turut mengedarkan alamat, nombor faks, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel Kedutaan Denmark di



HISHAMMUDDIN Hussein bersama Khairy Jamaluddin (kiri) dan Penolong Setiausaha Pemuda UMNO, Abdul Rahman Dahalan menunjukkan alamat serta e-mel Kedutaan Denmark bagi memudahkan orang ramai menghantar memorandum bantahan pada mesyuarat pergerakan itu di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

mana perasaan marah ahli pergerakan dalam bentuk tulisan boleh dihantar.

Surat-surat boleh dihantar kepada Duta Besar Denmark, Borge Peterson, Kedutaan Diraja Denmark, Tingkat 22 Wisma Denmark, 86 Jalan Ampang, 50450 Kuala

Lumpur; nombor faks ialah 03-2032212 dan 03-2032215; SMS boleh dihantar melalui nombor telefon bimbit Timbalan Duta Besar Denmark, Steen Hommel, 012-2112019 dan alamat e-mel ialah denmark@denmark.com.my.